61 Tinjauan Keseluruhan
61 Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa
65 Keadaan Monetari dan Kewangan Dalam Negeri
74 Pembiayaan Ekonomi

Keadaan Monetari dan Kewangan

Keadaan Monetari dan Kewangan

TINJAUAN KESELURUHAN

Berikutan kesan krisis subprima di Amerika Syarikat yang menular dengan meluas dan kejatuhan syarikat Lehman Brothers pada bulan September 2008, keadaan monetari dan kewangan global merosot pada suku pertama 2009. Krisis dalam ekonomi maju mencapai kemuncaknya pada bulan Mac 2009 dan mengakibatkan kemelesetan ekonomi global terburuk sejak Perang Dunia Kedua. Keadaan ekonomi dan kewangan mula menjadi stabil pada separuh kedua 2009 berikutan campur tangan secara besar-besaran pihak berkuasa ekonomi maju melalui tindakan yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini bagi menyokong sistem kewangan dan memulihkan semula ekonomi. Ekonomi sedang pesat membangun juga terjejas dengan teruk memandangkan hubungan ekonomi dan kewangannya yang rapat dengan ekonomi maju. Walau bagaimanapun, rangsangan fiskal dan kewangan yang pantas telah mengurangkan kesan daripada kejutan luar terhadap ekonomi sedang pesat membangun.

Seperti kebanyakan ekonomi serantau, Malaysia juga terjejas akibat permintaan luar yang menguncup dengan ketara dan harga aset kewangan dalam negeri yang merosot dengan nyata disebabkan oleh pembayaran balik hutang oleh pelabur di seluruh dunia, yang seterusnya menyebabkan aliran keluar dana portfolio yang besar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dua program rangsangan fiskal dan pelonggaran dasar monetari telah menyokong permintaan dalam negeri. Langkah tambahan untuk memudahkan akses kepada pembiayaan memastikan bahawa persekitaran terus menyokong penggunaan dan pelaburan dalam negeri. Sementara itu, sektor kewangan yang kukuh terus menyokong proses pengantaraan kewangan dan memperkuat kesan pengembangan fiskal dan monetari terhadap permintaan dalam negeri.

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN ANTARABANGSA

Perkembangan dalam keadaan monetari dan kewangan antarabangsa pada tahun 2009 secara umumnya terbahagi kepada tiga fasa berbeza. Suku pertama tahun tersebut menyaksikan kegawatan keadaan pasaran kewangan di tengah-tengah kemelesetan ekonomi global yang teruk. Ini diikuti oleh fasa penstabilan pada suku kedua dan ketiga, apabila langkah-langkah dasar secara besar-besaran yang belum pernah dilakukan sebelum ini dilaksanakan pada awal tahun tersebut mulai memberi kesan. Menjelang suku keempat, keadaan ekonomi dan kewangan mula stabil dan kesan pengembangan daripada rangsangan fiskal dan monetari yang besar telah memulihkan semula pertumbuhan.

Selepas suku pertama yang amat mencabar, keadaan monetari dan kewangan global mula stabil pada pertengahan tahun dan bertambah baik berikutan sokongan fiskal besar-besaran dan rangsangan monetari yang belum pernah dilaksanakan dalam ekonomi maju

Rajah 2.1
Indeks Turun Naik*




*Indeks Turun Naik Tersirat (VIX) Chicago Board of Exchange (CBOE) dan Anggaran Opsyen Turun Naik Merrill Lynch (MOVE)

Sumber: Bloomberg

Pada awal tahun 2009, keadaan monetari dan kewangan terus merosot akibat kejatuhan Lehman Brothers dan kesan buruk yang berterusan daripada pengambilan hutang secara besar-besaran dalam sistem kewangan AS. Kehilangan keyakinan secara meluas akibat episod Lehman telah menyebabkan langkah penghindaran risiko yang lebih ketara yang berlanjutan hingga dua bulan pertama 2009. Dalam banyak negara, keadaan mudah tunai menjadi lebih ketat di tengah-tengah penjualan aset kewangan secara besar-besaran dan turun naik pasaran ekuiti dan bon.

Keadaan kewangan, khususnya dalam ekonomi maju, adalah amat teruk. Pada dua bulan pertama 2009, indeks saham S&P 500 menurun sebanyak 21.1%, sementara LIBOR 3 bulan ditolak spread OIS, yang mengukur tahap mudah tunai dan risiko kredit dalam pasaran antara bank, kekal pada tahap yang tinggi, menunjukkan kegagalan dalam pengantaraan kewangan. Pasaran antara bank yang gagal berfungsi telah menjejaskan proses pengantaraan kewangan dengan ketara lantas mengganggu pemberian kredit kepada sektor ekonomi yang lebih luas. Ini telah menimbulkan kesan yang buruk terhadap aktiviti ekonomi. Sektor ekonomi benar terheret ke kancah kemelesetan yang teruk ekoran penguncupan dalam penggunaan, pelaburan dan aktiviti perdagangan. Kebanyakan ekonomi maju mengalami penguncupan aktiviti ekonomi yang ketara pada suku pertama, lantas menjadikan prospek pertumbuhan sangat kabur. Unjuran IMF berkaitan pertumbuhan ekonomi maju bagi tahun 2009 diturunkan daripada 0.5% pada bulan Oktober 2008 kepada -2% pada bulan Januari 2009. Penunjuk ekonomi utama, termasuk pengeluaran perindustrian dan keadaan pasaran pekerja, terus merosot dengan nyata dan pantas. Rangkaian hubungan yang kukuh antara sektor benar dengan sektor kewangan bermakna bahawa kelemahan dalam aktiviti ekonomi akan secara langsung menyebabkan kemerosotan yang lebih besar dalam sektor kewangan dan begitulah sebaliknya.

Rajah 2.2
Indeks Pasaran Ekuiti Terpilih



Sumber: Bloomberg

Tahap buruknya masalah dalam sektor kewangan dan sektor benar telah menyebabkan pelbagai bentuk campur tangan kerajaan. Campur tangan ini dirumus untuk memulihkan semula fungsi pasaran kewangan dan institusi kewangan, selain untuk menyokong sektor ekonomi benar. Untuk menstabilkan keadaan kewangan, pelbagai langkah konvensional dan tidak konvensional dilaksanakan. Ini termasuk jaminan kerajaan, pembelian aset sektor swasta, program permodalan semula dan pelonggaran kuantitatif. Langkah-langkah ini diperkukuh oleh program rangsangan fiskal yang besar oleh pihak berkuasa ekonomi maju, yang mencakupi antara 1% hingga 6% daripada KDNK. Pelonggaran dasar monetari pula bertujuan untuk menyokong pertumbuhan. Namun, dasar-dasar tersebut mengambil masa untuk membuahkan hasil memandangkan keadaan kewangan yang amat teruk.

Meskipun pendedahan langsung pasaran sedang pesat membangun kepada krisis subprima dan masalah dalam pasaran derivatif adalah kecil, pasaran kewangan dalam ekonomi tersebut turut terjejas dengan ketara memandangkan terdapat hubungan kewangan dengan pasaran kewangan utama. Indeks Pasaran Pesat Membangun MSCI merosot sebanyak 14.1% pada bulan Februari memandangkan pembayaran balik hutang pada peringkat global menyebabkan pelabur asing melupuskan milikan aset dalam pasaran sedang pesat membangun. Penghantaran balik dana tersebut ke AS telah menyebabkan aliran keluar modal yang besar lantas mata wang beberapa ekonomi sedang pesat membangun mengalami susut nilai pada purata 8.8% berbanding dengan dolar AS pada tempoh tersebut.

Pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun yang bersifat terbuka juga terjejas oleh penguncupan dalam perdagangan global berikutan kejatuhan permintaan luar daripada ekonomi maju. Pertumbuhan eksport tahunan Hong Kong, Singapura dan Malaysia masing-masing jatuh sebanyak 21.1%, 20.7% dan 15.7% pada akhir suku pertama. Penguncupan


dalam perdagangan menjadi lebih buruk apabila terdapat kekurangan mudah tunai dolar dalam pasaran kewangan antarabangsa, yang seterusnya menjejaskan pembiayaan perdagangan.

Tindak balas dasar oleh pihak berkuasa ekonomi sedang pesat membangun adalah pantas dan pada amnya bertujuan untuk mengurangkan kesan krisis ekonomi maju. Langkah-langkah yang diambil membabitkan gabungan langkah monetari dan fiskal termasuk langkah mengurangkan kadar faedah ke tahap yang luar biasa rendah, meningkatkan akses kepada pembiayaan dan perbelanjaan fiskal yang besar. Namun, kekukuhan ekonomi sedang pesat membangun sebagai satu kumpulan semasa bermulanya krisis serta sistem perbankan yang kukuh dan fleksibiliti fiskal telah meletakkan mereka pada kedudukan yang lebih baik untuk melaksanakan langkah-langkah antikitaran yang kukuh dan tepat sebagai tindak balas terhadap krisis.

Menjelang suku kedua, terdapat tanda-tanda penstabilan yang jelas dalam pasaran kewangan berserta sentimen perniagaan dan penggunaan yang bertambah baik. Dalam ekonomi maju, keadaan kewangan mula menjadi bertambah baik berikutan pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa. Spread kadar antara bank pasaran wang menurun dengan nyata bermula dari suku kedua dan seterusnya. Ini menunjukkan bahawa langkah-langkah untuk menyediakan mudah tunai tambahan kepada pasaran kewangan mula berkesan. LIBOR 3 bulan ditolak spread OIS menurun daripada purata 101 mata asas pada suku pertama kepada purata 23 mata asas pada suku ketiga 2009.

Kedudukan kewangan institusi kewangan utama juga bertambah baik seperti ditunjukkan oleh keputusan yang menggalakkan daripada ujian tekanan yang dijalankan terhadap semua bank bagi memastikan kesolvenan institusi kewangan. Kejatuhan hampir satu pertiga swap kredit mungkir bank-bank terkemuka di AS membuktikan bahawa keyakinan terhadap institusi kewangan semakin pulih. Apabila keadaan beransur pulih, pasaran kewangan terus meningkat dengan stabil meskipun masih agak perlahan. Antara bulan Mac hingga Mei 2009, indeks S&P 500 naik sebanyak 25.2%, lantas dapat menampung semua kerugian yang ditanggung sejak awal tahun 2009. Pada suku ketiga, turun naik dalam pasaran kewangan seperti diproksikan kepada indeks VIX, turun dengan nyata dan kembali ke tahap sebelum kejatuhan Lehman Brothers.

Rajah 2.3
Spread Pasaran Kewangan*



* LIBOR 3 bulan ditolak Indeks Swap Semalaman 3 bulan (OIS)

Sumber: Bloomberg


Rajah 2.4
Swap Mungkir Kredit 5 tahun Bank-bank AS



Sumber: Bloomberg

Walaupun langkah-langkah yang dilaksanakan melahirkan kesan positif dalam mengurangkan tekanan dalam pasaran kewangan dan juga dapat memulihkan fungsi pasaran, asas-asas ekonomi dalam negara maju masih lemah. Pemberian kredit kepada sektor ekonomi yang lebih luas masih lagi terhad memandangkan pemberi pinjaman dan peminjam terus bersikap berhati-hati. Syarat pemberian pinjaman dalam ekonomi maju utama masih lagi ketat. Meskipun penunjuk ekonomi utama berada pada tahap yang rendah, tanda-tanda mula kelihatan

Rajah 2.5
Keadaan Pinjaman Bank untuk Perniagaan*



*Merujuk kepada Soal Selidik Pinjaman Pegawai Atasan dalam negara terpilih

Sumber: Laman Sesawang Bank Pusat


bahawa kadar kemerosotan ekonomi semakin perlahan. Walau bagaimanapun, dengan keadaan ekonomi dan kewangan terus beransur pulih, persoalan yang timbul ialah sama ada pemulihan akan berterusan memandangkan sistem kewangan masih terjejas.

Ekonomi sedang pesat membangun sebaliknya menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang lebih jelas menjelang suku kedua 2009. Ini kerana keadaan ekonomi dalam negara-negara tersebut memang sedia teguh dan diperkuat oleh tindak balas fiskal dan monetari yang komprehensif, sekali gus membolehkannya pulih dalam tempoh yang lebih cepat. Dengan tanda-tanda pemulihan ekonomi semakin jelas, para pelabur menjadi lebih cenderung untuk mengambil risiko dalam aset kewangan pasaran sedang pesat membangun. Pasaran ekuiti dalam ekonomi sedang pesat membangun meningkat dengan pantas secara berterusan, pada purata 61.6% berbanding dengan 36.2% dalam ekonomi maju.

Menjelang suku keempat 2009, keadaan ekonomi dan kewangan dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang lebih jelas dan kukuh. Ini lantas meningkatkan keyakinan pelabur dan mengaktifkan semula aktiviti perdagangan dalam pasaran kewangan di seluruh dunia. Dengan dunia dibanjiri mudah tunai di tengah-tengah kadar faedah sedunia yang rendah, usaha mencari hasil lumayan telah menyebabkan peningkatan mendadak dalam aliran portfolio asing ke dalam ekonomi sedang pesat membangun. Hasilnya, mata wang ekonomi sedang pesat membangun, khususnya rupiah Indonesia, real Brazil dan won Korea menambah nilai dengan kukuh, masing-masing sebanyak 17.7%, 33% dan 10% pada tahun 2009. Prospek pemulihan yang lebih cerah dan jangkaan bahawa penambahan nilai mata wang akan berterusan telah menambah minat pelabur terhadap pasaran sedang pesat membangun.

Lonjakan dalam aliran masuk modal dan trend harga komoditi dan harta tanah yang semakin tinggi, mula mencetuskan kebimbangan akan kemungkinan terbentuknya gelembung harga aset dalam ekonomi sedang pesat membangun. Beberapa ekonomi sedang pesat membangun seperti Brazil dan Taiwan mengenakan sekatan terhadap aliran masuk modal untuk

Rajah 2.6
Indeks Bon Pasaran Sedang Pesat Membangun (EMBI) dan Spread Bon EMBI



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.7
Kadar Pertukaran Dolar AS Berbanding dengan Mata Wang Ekonomi Sedang Pesat Membangun



Sumber: Bloomberg

mengelakkan keadaan turun naik yang tidak diingini dalam pasaran kewangan dan untuk mengurangkan kesannya terhadap keadaan monetari. Sekatan tersebut termasuk cukai atas aliran ke dalam ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap, serta larangan kepada pelabur asing untuk menempatkan wang mereka dalam deposit bermasa.

Pada akhir tahun 2009, tanda-tanda pemulihan menjadi lebih jelas lantas mendorong perbincangan dalam kalangan pembuat dasar tentang keperluan untuk mengkaji semula pendirian dasar. Pelaksanaan kadar faedah yang luar biasa rendah semasa risiko kelembapan ekonomi tinggi kini perlu diselaraskan semula bagi menghindari daripada berlakunya risiko ketidakseimbangan kewangan. Oleh itu, walaupun dasar monetari kekal akomodatif, beberapa bank pusat termasuk Reserve Bank of Australia, mula menaikkan kadar dasar, manakala beberapa bank pusat lain menyatakan hasrat untuk berbuat sedemikian dalam tempoh terdekat. Ternyata bahawa kadar, masa dan magnitud pelarasan kadar dasar adalah berbeza-beza antara negara dan rantau memandangkan terdapat perbezaan keadaan ekonomi dan kewangan antara negara.

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN DALAM NEGERI

Keadaan monetari dan kewangan dalam negeri terus menggalakkan dan menyokong aktiviti ekonomi pada tahun 2009, meskipun masih terdedah kepada kejutan ekonomi dan kewangan yang buruk selepas berlakunya krisis kewangan global. Tindak balas dasar yang pantas dan ketahanan sektor perbankan dan pasaran modal memastikan proses pengantaraan kewangan berfungsi dengan berkesan dan lancar. Keadaan dalam negeri nyata menjadi bertambah baik menjelang akhir tahun dengan tanda-tanda pemulihan yang mampan semakin jelas.

Kadar Pertukaran

Prestasi ringgit pada tahun 2009 mencerminkan turun naik dalam pasaran kewangan antarabangsa. Pada awal tahun itu, ringgit dan mata wang serantau menghadapi tekanan susut nilai yang tinggi apabila kesan krisis kewangan dan ekonomi global dirasai sepenuhnya. Namun demikian, penjualan aset kewangan di seluruh dunia mula berkurang menjelang bulan Mac 2009 berikutan timbulnya tanda-tanda penstabilan dalam pasaran kewangan antarabangsa dan aktiviti ekonomi global.

Ringgit terus menyusut nilai sehingga awal tahun 2009 memandangkan kesan sepenuhnya krisis kewangan global telah menjejaskan ekonomi global. Berlatarkan risiko pasaran yang tinggi dan tindakan pelabur untuk terus membayar balik hutang untuk mengurangkan paras peminjaman mereka, aset dalam ekonomi sedang pesat membangun telah dijual. Dalam persekitaran kewangan yang tertekan, pelabur juga lebih cenderung untuk beralih kepada pegangan tunai bagi memelihara nilai modal.

Meskipun keadaan pasaran kewangan global turun naik, pergerakan ringgit terus teratur dan memainkan peranan penting dalam menyerap kejutan luaran terhadap ekonomi dalam negeri

Akibatnya, aliran pelaburan portfolio bertukar arah dan pengembalian dana ke AS telah meningkatkan permintaan terhadap dolar AS. Perkembangan ini telah menyebabkan penyusutan nilai mata wang serantau yang ketara. Ringgit menyusut nilai kepada RM3.7255 berbanding dengan dolar AS pada 2 Mac 2009, iaitu kadar terendah sejak bulan Februari 2006. Penyusutan nilai ringgit ini bagaimanapun dikurangkan sebahagiannya oleh lebihan perdagangan bersih yang berterusan, yang mendasari sokongan permintaan terhadap ringgit. Kedudukan rizab antarabangsa yang kukuh juga menambah keyakinan pasaran terhadap keupayaan Bank Negara Malaysia untuk memastikan keadaan pasaran kekal teratur dalam persekitaran global yang tidak menentu.


Trend menurun ringgit bertukar arah pada bulan Mac 2009, disebabkan oleh gandingan faktor luar dan dalam negeri. Langkah-langkah pengembangan berskala besar yang dilaksanakan oleh pembuat dasar untuk mengelakkan

kegawatan ekonomi global yang berlarutan merupakan faktor utama yang memulihkan keyakinan dan menstabilkan keadaan pasaran kewangan global. Langkah-langkah ini berjaya menaikkan sentimen pelabur dan kecenderungan mereka untuk mengambil risiko, serta mengalihkan tumpuan mereka kepada prospek pertumbuhan yang lebih baik dalam ekonomi serantau. Kekukuhan sistem kewangan dan keteguhan asas-asas ekonomi bagi ekonomi sedang pesat membangun menjadikan prospek pemulihan dijangka lebih awal dan lebih kukuh. Keadaan ini telah menarik masuk aliran portfolio yang besar ke dalam pasaran sedang pesat membangun dan meningkatkan permintaan terhadap mata wang serantau termasuk ringgit. Ringgit juga mendapat manfaat daripada reaksi pasaran yang positif terhadap pakej rangsangan kedua yang diumumkan pada 10 Mac. Selain itu, langkah mempercepat pelaksanaan rangsangan fiskal, di samping keadaan monetari yang akomodatif, serta sistem kewangan yang berdaya tahan dan akses kepada pembiayaan yang berterusan telah menyokong lagi sentimen positif pelabur terhadap pasaran kewangan domestik. Hasilnya, aliran masuk portfolio bersih meningkat sebanyak RM13.3 bilion pada separuh tahun kedua dan ringgit menjadi kukuh kepada RM3.3475 berbanding dengan dolar AS pada 15 Oktober. Ini merupakan penambahan nilai sebanyak 11.3% daripada paras terendahnya pada awal Mac 2009.

Pergerakan turun naik ringgit bagaimanapun adalah dalam julat menurun yang besar sejak pertengahan Oktober 2009 hingga akhir tahun, di tengah-tengah turun naik pasaran yang lebih ketara berikutan penghindaran risiko yang tinggi dan turun naik pada peringkat global. Pelaksanaan kawalan modal di Brazil dan Taiwan menambah kebimbangan bahawa bank pusat lain di rantau ini akan menggunakan dasar yang sama, yang telah menjejaskan kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko dalam pasaran serantau. Sentimen pasaran juga dipengaruhi oleh kebimbangan mengenai potensi kesan sistemik daripada krisis hutang di Dubai dan isu berkaitan dengan sekuriti hutang berdaulat di Greece. Secara keseluruhan, ringgit mengakhiri tahun 2009 pada paras RM3.4245 berbanding dengan dolar AS, iaitu 1.2% lebih kukuh berbanding dengan paras pada akhir tahun 2008.

Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen

Rajah 2.8
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) Berbanding dengan Mata Wang Utama



Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jepun (3.4%) memandangkan yen khususnya, mudah terjejas oleh perubahan dalam aktiviti *carry trade*. Pada akhir tahun 2009, ringgit menjadi lemah sedikit berbanding dengan euro (-0.9%) dan ketara lebih lemah berbanding dengan paun sterling (-9.1%). Penambahan nilai paun sterling sebahagian besarnya disebabkan oleh pembetulan daripada penyusutan nilai mata wang tersebut yang ketara berbanding dengan kebanyakan mata wang antarabangsa pada tahun 2008, selepas ekonomi UK terjejas teruk oleh krisis kewangan.

Pada tahun 2009, ringgit secara amnya lebih lemah berbanding dengan mata wang serantau. Namun, trend ini berubah pada awal tahun 2010. Prestasi kadar pertukaran antara rantau dibezakan mengikut faktor tertentu bagi sesebuah negara. Secara khusus, won Korea dan rupiah Indonesia menambah nilai dengan kukuh berbanding dengan kebanyakan mata wang berikutan sentimen pasaran yang positif. Sokongan kuat permintaan dalam negeri menyumbang kepada prestasi ekonomi Indonesia yang lebih baik. Penambahan nilai rupiah Indonesia dan won Korea juga sebahagiannya mencerminkan pemulihan rupiah Indonesia dan won Korea daripada penyusutan nilai yang besar pada tahun 2008. Antara bulan September 2008 hingga Februari 2009, rupiah Indonesia dan won Korea menyusut nilai berbanding dengan ringgit, masing-masing sebanyak 20.3% dan 28.3%. Ini mewujudkan potensi penambahan nilai yang lebih besar bagi kedua-dua mata wang tersebut berbanding

Rajah 2.9
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) dan Mata Wang Serantau Terpilih Berbanding dengan Dolar AS




[1] Mata wang serantau: renminbi China, rupiah Indonesia, won Korea, peso Filipina, dolar Singapura, dolar Taiwan dan baht Thai. Setiap mata wang berwajaran seimbang.

Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit atau mata wang serantau terpilih berbanding dengan dolar AS.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.10
Ringkasan Prestasi Ringgit Malaysia Berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau Pada Tahun 2009



Nota: (+) Menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang luar negeri.

Sumber: Bank Negara Malaysia


dengan mata wang serantau lain apabila keadaan global menjadi bertambah baik.

Ringgit menyusut nilai sebanyak 1% pada tahun 2009 dari segi Kadar Pertukaran Efektif Benar (Real Effective Exchange Rate, REER). REER merujuk kepada purata wajaran ringgit berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia, yang diselaraskan dengan mengambil kira perbezaan dalam kadar inflasi. Pada umumnya, penyusutan REER pada tahun 2009 disebabkan terutamanya oleh penyusutan nilai keseluruhan Kadar Pertukaran Efektif Nominal (Nominal Effective Exchange Rate, NEER), yang jatuh sebanyak 1% pada tahun tersebut. Paras harga di Malaysia berbanding dengan rakan perdagangan utama terus stabil, memandangkan harga barangan dan perkhidmatan merentas negara menurun hampir serentak di tengah-tengah tekanan disinflasi global.

Pergerakan dua hala yang lebih pantas bagi aliran modal ke dalam ekonomi sedang pesat membangun dalam persekitaran pemulihan ekonomi global yang tidak pasti, telah menimbulkan kebimbangan akan risiko yang mungkin timbul dalam sektor perdagangan ekonomi-ekonomi tersebut. Selain itu, aliran masuk kewangan yang besar boleh menjadi sumber ketidakstabilan, memandangkan aliran tersebut berpotensi untuk bertukar arah secara tiba-tiba. Dalam hal ini, kelebihan yang ada pada Malaysia ialah kapasiti dan daya tahan untuk menguruskan aliran kewangan yang besar dan sering turun naik yang telah diperkukuhkan dalam beberapa bentuk. Pertama, asas-asas ekonomi negara yang terus kukuh dan pasaran kewangan yang lebih pelbagai dan maju. Ini meningkatkan keupayaan sistem kewangan negara untuk menyerap aliran masuk dan keluar modal, dengan itu mengurangkan gangguan yang mungkin timbul sambil memastikan aliran modal tersebut boleh disalurkan dengan berkesan. Kedua, rejim apungan terurus memberi fleksibiliti yang diperlukan oleh ringgit untuk menyelaras kepada keadaan yang berubah-ubah. Sejak pemansuhan rejim kadar pertukaran tetap, rejim apungan terurus banyak membantu ekonomi negara dengan memberi keseimbangan yang baik antara fleksibiliti dan kestabilan. Ketiga, keupayaan untuk menguruskan mudah tunai dalam negeri juga telah menjadi bertambah baik disokong oleh pelbagai instrumen untuk melaksanakan operasi monetari serta sistem pengawasan dan maklumat sedia ada yang lebih baik. Keupayaan untuk mengurus mudah tunai secara berkesan bermakna bahawa aliran kewangan mempunyai kesan yang terhad terhadap pengantaraan kewangan dan tahap aktiviti ekonomi, termasuk mengurangkan risiko timbulnya ketidakseimbangan yang besar dalam ekonomi.

Kadar Faedah, Hasil Bon dan Harga Ekuiti
Kadar faedah pada tahun 2009 diturunkan dengan nyata untuk menyokong dasar monetari yang sangat akomodatif. Teras dasar monetari


Rajah 2.11
Kadar Faedah Pasaran Wang



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

pada tahun tersebut tertumpu pada langkah mengurangkan kesan daripada krisis ekonomi dan kewangan terhadap permintaan dalam negeri. Di samping pengurangan sebanyak 25 mata asas pada bulan November 2008, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) diturunkan sebanyak 75 mata asas pada bulan Januari 2009, dan 50 mata asas lagi pada bulan Februari 2009. Bagi membolehkan manfaat daripada pengurangan OPR ini diserapkan ke dalam kadar runcit dengan cepat, Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) juga dikurangkan serentak daripada 4% kepada 1%. Langkah dasar monetari disebarkan dengan cepat oleh sistem kewangan domestik

Rajah 2.12
Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

dan mempunyai kesan yang besar terhadap ekonomi negara.


Berikutan keputusan Bank Negara Malaysia mengurangkan OPR, kadar antara bank semalaman dalam pasaran wang menurun daripada 3.25% pada 1 Januari 2009 kepada 2.00% pada 25 Februari, dengan pengurangan serentak dalam kadar antara bank bagi tempoh kematangan lain. Tahap pindahan yang tinggi daripada pengurangan OPR ke dalam kadar pasaran wang disokong oleh keadaan mudah tunai yang stabil dalam pasaran antara bank. Institusi kewangan yang kukuh juga menyokong urus niaga pasaran yang teratur, tanpa banyak gangguan terhadap pasaran meskipun terdapat turun naik dalam pasaran kewangan global. Sejajar dengan itu, kadar pasaran wang pada tahun itu stabil dan berada pada paras paling rendah dalam sejarah.

Institusi kewangan yang kukuh dan keadaan mudah tunai yang stabil memudahkan kesan daripada pengurangan OPR dipindahkan kepada kadar faedah pinjaman

Sebagai mencerminkan kesan pindahan yang tinggi daripada pengurangan OPR kepada kadar faedah pasaran wang, bank telah menurunkan kadar faedah pinjaman runcit untuk sektor isi rumah dan perniagaan. Tanda aras kadar pinjaman yang diukur oleh kadar pinjaman asas (Base Lending Rate, BLR) purata bank perdagangan dikurangkan sebanyak 121 mata asas daripada 6.72% kepada 5.51% pada akhir tahun 2009. Ini telah menurunkan kos kadar faedah bagi pinjaman yang mempunyai kadar faedah yang ditambatkan kepada BLR lantas meningkatkan pendapatan boleh guna peminjam. Pelarasan dalam BLR ini dipindahkan dengan cepat, apabila semua bank menurunkan BLR masing-masing dalam masa dua minggu dari tarikh pelarasan terhadap OPR.

Peminjam baharu juga memperoleh manfaat daripada persekitaran kadar faedah yang rendah, disebabkan pengurangan kadar faedah pinjaman baharu untuk perniagaan dan isi rumah. Ini terbukti dengan penurunan 127 mata asas dalam

Rajah 2.13
ALR bagi Pinjaman Baharu Diluluskan (purata bergerak 3 bulan)




* mata asas

Sumber: Bank Negara Malaysia


kadar pinjaman purata (Average Lending Rate, ALR) bagi pinjaman baharu yang diluluskan, daripada 6.17% pada bulan Oktober 2008 kepada 4.90% pada bulan Disember 2009. Penurunan kadar pemberian pinjaman baharu adalah menyeluruh, dengan pinjaman untuk semua sektor ekonomi mencatat kadar faedah yang lebih rendah selepas pengurangan OPR. Dengan penentuan semula harga pinjaman baharu dan sedia ada, ALR untuk pinjaman terkumpul berada pada paras paling rendah dalam sejarah sebanyak 4.83% pada akhir 2009. Persekitaran kadar faedah yang rendah pula terus menyokong aktiviti pembiayaan.

Rajah 2.14
Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.15
Kadar Deposit dan Pinjaman Benar



Sumber: Bank Negara Malaysia


Kadar deposit juga dilaraskan ke bawah. Namun begitu, deposit tetap (Fixed Deposit, FD) disokong oleh kadar lantai yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, kadar faedah FD dengan tempoh matang 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 2.00% hingga 2.50%, pada akhir 2009. Menjelang pertengahan tahun, pendeposit juga menikmati kadar pulangan benar yang positif apabila inflasi bertukar menjadi negatif.

Kadar hasil bon berdaulat naik pada awalnya disebabkan oleh kebimbangan terhadap peningkatan besar dalam terbitan sekuriti Kerajaan, tetapi kekal stabil secara umumnya pada sebahagian besar tahun tersebut berikutan keadaan ekonomi yang bertambah baik dalam keadaan prospek inflasi yang rendah. Aktiviti urus niaga tertumpu terutamanya pada sekuriti jangka pendek, mencerminkan sentimen berhati-hati pelabur.

Hasil MGS stabil pada sebahagian besar tahun 2009


Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) pada awal tahun 2009 berada dalam trend menurun disebabkan peningkatan penghindaran risiko dalam kalangan pelabur berikutan prospek ekonomi global yang merosot. Pengurangan OPR pada 21 Januari terus mendorong trend menurun dalam kadar hasil MGS, berikutan jangkaan inflasi yang sederhana. Trend yang menurun ini, bagaimanapun, meningkat selepas pengumuman Kerajaan untuk memperkenalkan pakej rangsangan kedua. Selepas itu, pasaran menjadi bimbang mengenai saiz rangsangan

Rajah 2.16
Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.17
Keluk Hasil Tanda Aras Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

dan kemungkinan terbitan tambahan sekuriti Kerajaan. Apabila kebimbangan ini memuncak, kadar hasil MGS naik dengan ketara, terutamanya untuk tempoh matang yang lebih panjang. MGS 5 dan 10 tahun meningkat masing-masing sebanyak 106 dan 116 mata asas antara akhir bulan Januari hingga pertengahan bulan Mac. Pengurangan OPR pada bulan Februari hanya memberi kesan menurun yang sementara kerana kadar hasil MGS terus meningkat berikutan kebimbangan mengenai kemungkinan saiz yang besar bagi pinjaman baharu Kerajaan.


Kadar hasil MGS jatuh pada akhir bulan Mac setelah kebimbangan tersebut reda berikutan penyiaran kalendar lelongan sekuriti Kerajaan yang disemak. Pelabur, bagaimanapun, secara umumnya terus berhati-hati memandangkan ketidakpastian yang berterusan tentang prospek ekonomi makro dan cenderung untuk bertumpu pada sekuriti yang mempunyai tempoh matang yang pendek. Ini menyebabkan pengurangan mudah tunai dalam keluk kadar hasil MGS jangka panjang, seterusnya memberikan tekanan menaik bagi kadar hasil jangka panjang. Seterusnya, berikutan penambahan minat terhadap MGS bertempoh matang pendek, kadar hasil MGS 1 dan 3 tahun meningkat sedikit sahaja masing-masing sebanyak 15 dan 6 mata asas antara akhir bulan Mac hingga akhir bulan Jun, menyebabkan kecerunan keluk kadar hasil bertambah curam.

Menjelang akhir bulan Jun, sentimen pasaran mula bertambah baik berikutan keredaan kebimbangan pelabur terhadap bekalan sekuriti Kerajaan yang lebih besar. Tekanan menaik kadar hasil jangka panjang juga mula reda. Kadar hasil MGS bagi semua tempoh matang menjadi lebih stabil selepas itu dan pada sebahagian besar separuh kedua 2009. Menjelang akhir tahun, kadar hasil MGS naik sedikit berikutan jangkaan lebih kukuh pemulihan ekonomi yang didorong oleh berita tentang data ekonomi yang lebih baik dalam perdagangan dan pengeluaran perindustrian. Pada bulan Disember, kadar hasil MGS 3 tahun mencatat peningkatan 26 mata asas berikutan terbitan baharu MGS 3.5 tahun, yang menggantikan MGS 3 tahun sebelumnya sebagai penanda aras yang baharu. Kadar hasil yang lebih tinggi mencerminkan tempoh matang penanda aras baharu yang lebih panjang sedikit.

Hasil PDS terjejas oleh penghindaran risiko

Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS), kadar hasil terjejas terutamanya oleh peningkatan penghindaran risiko. Faktor-faktor seperti kebimbangan pelabur terhadap keadaan kredit mempengaruhi dengan ketara hasil PDS bertaraf rendah. Kebimbangan terhadap keadaan kredit yang semakin merosot ditambah pula oleh peningkatan bilangan penarafan negatif, terutamanya pada separuh pertama tahun 2009. Peningkatan penghindaran

Rajah 2.18
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (5 Tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.19
Urus Niaga Sekuriti Hutang Korporat




Sumber: Bank Negara Malaysia

risiko menyebabkan mudah tunai berkurang dalam pasaran PDS, yang mendorong peningkatan kadar hasil PDS bertaraf rendah.

Seperti trend dalam pasaran MGS, mudah tunai dalam pasaran PDS bertambah baik disebabkan sentimen yang meningkat pada akhir bulan Julai. Penubuhan Danajamin Nasional Berhad, sebuah institusi jaminan kewangan yang memberi jaminan kredit kepada penerbit terpilih, juga menyumbang kepada peningkatan sentimen dalam pasaran bon. Kadar hasil PDS bertaraf rendah, bagaimanapun, hanya mencatat peningkatan yang kecil pada akhir tahun disebabkan kebimbangan kredit yang berlanjutan.

Rajah 2.20
Spread Kadar Hasil Bon Korporat berbanding MGS (5 tahun)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Spread kredit untuk PDS mengecil pada tahun 2009. Pada awalnya keadaan ini agak tidak munasabah dalam keadaan kelembapan ekonomi. Namun demikian, analisis lebih lanjut menunjukkan bahawa pada awal tahun, spread kredit mengecil berikutan hasil MGS yang lebih tinggi kerana pasaran menjangkakan lebih banyak sekuriti Kerajaan akan diterbitkan. Selanjutnya, pasaran PDS dan pasaran berdaulat kembali stabil disebabkan prospek ekonomi dan kewangan yang bertambah baik. Spread kredit umumnya stabil pada separuh kedua tahun 2009. Bagi tahun tersebut secara keseluruhan, spread kredit untuk sekuriti bertaraf tinggi (5 tahun) jatuh antara 96 hingga104 mata asas.

Tanda-tanda peningkatan ekonomi lebih kukuh merangsang pasaran ekuiti

Pada bahagian awal tahun 2009, keadaan dalam negeri dan global yang sangat mencabar mengakibatkan pasaran saham dalam negeri dilanda ketidaktentuan. Seterusnya, dari suku kedua, pasaran ekuiti di seluruh dunia termasuk Malaysia mencatat pemulihan yang ketara berbanding dengan tahap kelembapan pada awal tahun 2009 disebabkan pelabur mengambil kesempatan daripada keadaan monetari yang sangat akomodatif dan penstabilan pasaran kewangan. Kesanggupan mengambil risiko terus meningkat berikutan peningkatan prospek pemulihan ekonomi apabila rangsangan fiskal mula menyokong aktiviti ekonomi.

Rajah 2.21
KLCI dan Indeks Bursa Malaysia Mengikut Sektor



Sumber: Bloomberg

Pasaran ekuiti dalam negeri mengalami turun naik yang ketara pada awal tahun dalam keadaan ketidakpastian yang meningkat dalam pasaran kewangan global. Penanda aras FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) mencapai paras terendah iaitu 838.4 mata pada 12 Mac, tetapi mula naik, meskipun sederhana, dari akhir bulan Mac 2009. Ini disokong oleh kenaikan harga komoditi yang merangsang saham-saham yang berkaitan dengan perladangan dan minyak dan gas. Selain itu, penyertaan pelabur dalam negeri meningkat disebabkan sentimen pasaran mulai bertambah baik.


Pada separuh kedua tahun 2009, pasaran saham serantau termasuk Bursa Malaysia turut meningkat berikutan pengagihan semula dana global kepada pasaran sedang pesat membangun, termasuk Asia, disebabkan pelabur optimis terhadap kadar pemulihan ekonomi yang lebih kukuh. Harga ekuiti terus didorong oleh prospek perolehan syarikat yang makin meningkat. Pengumuman Kerajaan untuk meliberalisasi sektor perkhidmatan dan kewangan dan usaha untuk meningkatkan mudah tunai dalam pasaran saham oleh Bursa Malaysia juga terus mendorong pasaran. Bagi tahun 2009 secara keseluruhan, FBM KLCI naik 45.2% (2008: -39.3%).

Mudah Tunai dan Agregat Monetari

Keadaan mudah tunai lebih daripada mencukupi sepanjang tahun 2009 serta menyokong aktiviti ekonomi. Mudah tunai sektor swasta dipengaruhi oleh keadaan kredit global dan dalam negeri. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi-institusi kewangan antarabangsa, yang telah menyebabkan aliran keluar dana dari Malaysia. Oleh yang demikian, mudah tunai sektor swasta, seperti yang diukur oleh wang secara luas, menunjukkan dua fasa yang berbeza pada tahun 2009.


Antara bulan Januari hingga Mei, pemberian pinjaman oleh bank untuk perniagaan dan isi rumah menurun, mencerminkan aktiviti ekonomi yang lembap yang menjejaskan permintaan untuk kredit. Kesan pertumbuhan kredit yang perlahan terhadap wang secara luas telah diburukkan lagi oleh kesan penguncupan aliran keluar bersih asing terhadap mudah tunai

Rajah 2.22
Indeks Serantau



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.23
Wang Secara Luas, M3



Sumber: Bank Negara Malaysia


Jadual 2.1
Wang Secara Luas, M3

	Perubahan (RM bilion)	
	2009	
	ST1	ST2
M3	**18.6**	**66.5**
Mata wang dalam edaran	0.5	2.6
Deposit permintaan	1.7	13.0
Separuh wang secara luas	16.5	51.0
Deposit tetap	*17.5*	*5.7*
Deposit tabungan	*5.7*	*4.4*
NID	*-1.2*	*-7.6*
Repo	*0.0*	*0.9*
Deposit mata wang asing	*1.2*	*14.1*
Deposit lain	*-6.7*	*33.5*
Penentu-penentu M3		
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	11.5	14.2
Tuntutan terhadap sektor swasta	10.8	40.7
Pinjaman	*12.3*	*34.7*
Sekuriti	*-1.5*	*6.0*
Aset luar bersih*	-0.4	12.1
*Bank Negara Malaysia**	*-6.0*	*2.7*
Sistem perbankan	*5.6*	*9.4*
Pengaruh lain	-3.3	-0.5

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.24
Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam negeri. Kesan daripada faktor-faktor ini, bagaimanapun, sebahagiannya dikurangkan oleh perbelanjaan fiskal Kerajaan yang menyokong pertumbuhan wang secara luas sepanjang tahun tersebut. Pengembangan wang secara luas menjadi sederhana pada separuh pertama tahun tersebut, meningkat pada kadar tahunan sebanyak 5.7% pada bulan Jun.

Selepas itu, trend wang secara luas meningkat semula untuk berkembang pada kadar tahunan yang lebih cepat. Pemulihan dalam wang secara luas ini mencerminkan persekitaran ekonomi dan kewangan dalam dan luar negeri yang bertambah baik. Pembiayaan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta meningkat, mencerminkan pemulihan aktiviti ekonomi serta disokong oleh persekitaran kadar faedah yang rendah. Selain itu, wang secara luas juga berkembang pada separuh tahun kedua disebabkan oleh aliran masuk asing bersih. Wang secara luas mengakhiri tahun 2009 dengan kadar yang lebih tinggi sebanyak 9.2% pada bulan Disember.

Bank Negara Malaysia mengendalikan operasi kewangan dalam pasaran wang domestik untuk memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan. Walau bagaimanapun, keadaan mudah tunai dalam pasaran wang antara bank pada tahun 2009 tidak tinggi berbanding dengan tahun 2008. Aliran keluar mudah tunai berikutan penjualan aset domestik oleh pelabur asing, yang berlanjutan dari tahun 2008 sehingga suku pertama 2009, telah diimbangi oleh pengeluaran mudah tunai yang diserap oleh Bank Negara Malaysia. Dalam hal ini, penempatan antara bank yang besar dengan Bank Negara Malaysia telah berperanan sebagai penampan mudah tunai untuk sistem perbankan. Untuk tempoh selanjutnya dalam tahun tersebut, mudah tunai dalam pasaran antara bank adalah mencukupi dan secara relatif stabil.

Walaupun aliran keluar portfolio asing menyebabkan saiz lebihan mudah tunai berkurang, namun mudah tunai sistem perbankan terus berlebihan. Ini terbukti daripada nisbah pinjaman-simpanan (loan-deposit ratio) yang berada dalam dalam julat 77.7 pada bulan Januari hingga 77.9 pada bulan Disember. Pada peringkat institusi, semua bank beroperasi pada kedudukan lebihan mudah tunai dengan penempatan dana bersih dengan Bank Negara Malaysia. Jumlah institusi mempunyai lebihan mudah tunai yang besar ini merupakan salah satu faktor yang menyokong daya tahan sistem perbankan secara keseluruhan.

Bank Negara Malaysia juga mengurangkan tahap rizab yang perlu dipegang bank berbanding dengan kelayakan liabiliti daripada 4% kepada 1%. Sementara langkah ini meningkatkan mudah tunai yang ada pada bank-bank, motivasi utama yang mendorong Bank Negara Malaysia memotong SRR adalah untuk mengurangkan kos pengantaraan dalam sistem perbankan. Hasilnya, bank-bank telah memindahkan sebahagian besar daripada pengurangan OPR dengan mengurangkan kadar pinjaman runcit mereka.

PEMBIAYAAN EKONOMI


Keadaan pembiayaan pada tahun 2009 terus kondusif dan menyokong aktiviti ekonomi. Sistem perbankan yang kukuh dan pasaran modal yang berfungsi, ditambah dengan kadar faedah yang paling rendah dalam sejarah dan mudah tunai yang banyak, memastikan aktiviti pembiayaan terus berkembang.

Kos pinjaman yang lebih rendah dan ketersediaan pembiayaan yang berterusan menyokong keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta lebih perlahan pada awal tahun itu sejajar dengan keadaan ekonomi yang secara umumnya lemah. Walau bagaimanapun, pembiayaan memperoleh momentum menjelang separuh tahun kedua, disokong oleh kadar pinjaman yang rendah dan langkah-langkah menyeluruh yang diambil untuk memastikan akses kepada dana yang berterusan bagi semua sektor ekonomi. Selain itu, pertumbuhan semula ekonomi pada suku keempat tahun itu telah menyumbang kepada peningkatan permintaan untuk pembiayaan. Bagi tahun tersebut secara keseluruhan, pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui pinjaman perbankan dan PDS meningkat sebanyak 8.5% (2008: 12.7%).


Pada tahun tersebut, pemberian pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor isi rumah disokong oleh kos pinjaman yang lebih rendah dan ketersediaan pembiayaan dalam persekitaran yang kompetitif. Dari segi permintaan, paras kadar faedah yang lebih rendah memberi kesempatan bagi isi rumah untuk membiayai semula pinjaman yang sebelumnya dibuat pada kadar yang lebih tinggi, termasuk pinjaman perumahan, peribadi dan kad kredit. Bagi pinjaman perumahan baharu, permintaan turut disokong oleh langkah-langkah yang diumumkan oleh Kerajaan dalam pakej rangsangan pertama dan kedua untuk menggalakkan pemilikan rumah kediaman. Langkah-langkah ini termasuk pelepasan cukai setem sebanyak 50% yang diberikan untuk perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah sehingga RM250,000, serta pelepasan cukai sehingga RM10,000 setahun selama tiga tahun bagi faedah yang dibayar untuk pinjaman perumahan. Menjelang separuh tahun kedua, pembiayaan isi rumah terus disokong oleh

Rajah 2.25
Jumlah Pembiayaan Bersih kepada Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan PDS




Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.26
Pinjaman Terkumpul Mengikut Pengguna



Sumber: Bank Negara Malaysia


Rajah 2.27
Isi Rumah: Permohonan Pinjaman dan ALR bagi Pinjaman Baharu Diluluskan*



* Tidak termasuk kad kredit

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.28
Isi Rumah: Pinjaman Terkumpul untuk Pembelian Sekuriti dan Indeks KLCI



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

peningkatan sentimen pengguna dan keadaan pasaran pekerja.

Dari segi penawaran, institusi-institusi perbankan memberikan lebih tumpuan kepada pinjaman untuk isi rumah disebabkan kelembapan ekonomi yang menjejaskan prospek perniagaan. Banyak bank menawarkan pakej yang lebih menarik bagi membiayai semula pinjaman perumahan dan mempromosikan pindahan baki kad kredit. Bank juga menurunkan kadar faedah untuk pinjaman peribadi yang baru diluluskan kepada purata 6.31% (tahun 2008: 7.72%). Oleh yang demikian, meskipun aktiviti ekonomi menurun, pinjaman isi rumah terkumpul meningkat sebanyak 9.8% pada tahun 2009 (tahun 2008: 9.7%), mencakupi bahagian yang lebih tinggi daripada jumlah pinjaman terkumpul pada 55.1% (akhir tahun 2008: 54.1%). Lebih banyak pinjaman diberikan untuk pembelian harta kediaman dan bukan kediaman, kegunaan peribadi, pembelian kereta penumpang dan pembelian sekuriti .

Pinjaman yang diberikan kepada individu untuk pembelian sekuriti berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 24.5%. Trend ini sejajar dengan kenaikan ketara dalam pasaran saham. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan pinjaman untuk pembelian sekuriti kekal kecil, mencakupi hanya 4.8% daripada pinjaman isi rumah dan 2.6% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2009.


Meskipun hutang meningkat, kedudukan kewangan sektor isi rumah bertambah baik sebagaimana dibuktikan oleh penurunan nisbah hutang isi rumah kepada aset kewangan mudah tunai. Nisbah pinjaman tak berbayar isi rumah berbanding dengan pinjaman terkumpul juga terus rendah pada 3.1% (akhir tahun 2008: 4.1%). Bagi meringankan beban pembayaran semula pinjaman isi rumah, institusi-institusi perbankan secara aktif menstruktur semula dan menjadual semula hutang. Selain itu, Kerajaan mengumumkan pada bulan Mac 2009 bahawa moratorium selama satu tahun diberikan untuk pinjaman perumahan bagi mereka yang diberhentikan kerja.

Berbeza dengan sektor isi rumah, pertumbuhan dalam pembiayaan kepada sektor perniagaan adalah lebih sederhana. Pembiayaan bersih kepada sektor perniagaan melalui sistem perbankan dan pasaran PDS meningkat sebanyak 6.3% (tahun 2008: 12.9%). Kelembapan permintaan global dan dalam negeri menjejaskan keberuntungan perniagaan. Akibatnya, beberapa perniagaan mengecilkan kapasiti operasi mereka dan menunda rancangan pengembangan mereka, seterusnya mengurangkan permintaan terhadap pembiayaan bagi keperluan modal kerja dan aktiviti pelaburan. Oleh itu, permohonan pinjaman daripada sektor perniagaan menguncup sebanyak 2.8% pada tahun 2009 (tahun 2008[1] : +0.8%).

Untuk tempoh yang singkat pada awal tahun tersebut, sesetengah perniagaan menghadapi kesukaran untuk mengakses pembiayaan melalui sistem perbankan dan pasaran modal. Ini


[1] Kadar pertumbuhan pada tahun 2008 tidak termasuk satu pinjaman besar yang dikeluarkan pada tahun 2007 untuk satu aktiviti penswastaan.

Rajah 2.29
Perniagaan: Pembiayaan Bersih melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan PDS



Sumber : Bank Negara Malaysia

Rajah 2.30
Perniagaan: Penunjuk Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

mencerminkan pendirian bank dan pelabur dalam pasaran PDS yang lebih berhati-hati disebabkan oleh persepsi terhadap peningkatan risiko peminjam ekoran keadaan ekonomi yang lebih lemah.


Menyedari bahawa akses kepada pembiayaan sangat penting untuk menyokong proses pemulihan, pihak berkuasa menggiatkan usaha untuk memastikan aliran pembiayaan yang berterusan kepada semua segmen ekonomi. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah telah diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia dan Kerajaan, termasuk penubuhan beberapa dana khusus untuk PKS dan mewujudkan Danajamin Nasional Berhad untuk memberi jaminan kewangan bagi terbitan sekuriti hutang swasta dan Sukuk oleh syarikat-syarikat yang dinilai berdaya maju. Bank Negara Malaysia terus mengadakan dialog yang aktif antara sektor swasta dengan institusi perbankan bagi memahami perkembangan dalam persekitaran antarabangsa dan domestik. Saluran untuk mendapatkan bantuan dan penyelesaian yang diwujudkan oleh Bank dan Persatuan Bank-bank di Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM)[2] juga memainkan peranan penting bagi membolehkan perniagaan dan individu mengemukakan pertanyaan yang berkaitan dengan perkhidmatan perbankan dan masalah kredit.

Langkah-langkah ini memberikan hasil yang positif. Keadaan pembiayaan bagi sektor perniagaan bertambah baik dari suku kedua dan seterusnya. Pada suku ketiga, pinjaman terkumpul kepada perniagaan mencatat peningkatan suku tahunan selepas mengalami penguncupan selama tiga suku berturut-turut. Lebih banyak pinjaman dikeluarkan kepada sektor perkilangan, pembinaan, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel serta sektor pertanian. Dalam pasaran modal, peningkatan sentimen pasaran juga menyumbang kepada mudah tunai yang lebih tinggi dalam pasaran PDS dan ekuiti.

Pasaran modal yang maju telah menyediakan sumber pembiayaan lebih pelbagai untuk perniagaan yang lebih besar. Pada tahun 2009, aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal sangat aktif, mencakupi 82.5% daripada jumlah pembiayaan bersih yang diperoleh sektor perniagaan (termasuk terbitan ekuiti) (tahun 2008: 37.9%). Dalam pasaran PDS, terbitan kasar meningkat sebanyak 30.9% pada tahun 2009, berpunca terutamanya dari syarikat berkaitan kerajaan yang besar dan institusi kewangan. Sebahagian besar PDS yang dikeluarkan pada tahun itu adalah untuk membiayai keperluan modal kerja, pembiayaan semula hutang dan pelaburan dalam ekuiti. Sementara itu, dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti berjumlah RM26 bilion (tahun 2008: RM5.5 bilion). Pemerolehan dana yang ketara lebih besar mencerminkan terbitan

[2] Bank Negara Malaysia menubuhkan Pusat Perhubungan Bersepadu yang terdiri daripada BNMLINK, BNMTELELINK serta Unit Pengurusan Aduan dan Khidmat Nasihat pada bulan Julai 2008. Persatuan Bank-bank di Malaysia (ABM) dengan kerjasama institusi-institusi perbankan juga menubuhkan saluran bebas tol *ABMConnect* pada bulan Disember 2008.

Rajah 2.31
Terbitan Kasar PDS mengikut Tujuan




*Lain-lain tujuan termasuk pembiayaan bagi modal kerja, pelaburan ekuiti dan aktiviti perniagaan am

Nota: Data tidak termasuk bon Cagamas dan terbitan pelabur asing.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.32
PKS: Pinjaman Terkumpul*



*Diselaraskan untuk memasukkan PKS yang dikelaskan semula sebagai syarikat besar

Sumber: Bank Negara Malaysia

beberapa terbitan hak yang besar dan tawaran awal awam (initial public offering, IPO).

Pembiayaan bagi PKS dan perusahaan mikro terutamanya diperoleh daripada institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (DFI). Pada tahun 2009, pinjaman terkumpul kepada PKS menguncup sedikit. Ini disebabkan oleh beberapa syarikat yang dikeluarkan daripada klasifikasi PKS kerana syarikat tersebut telah berkembang melangkaui takrifan PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS meningkat sebanyak 5.1% pada tahun 2009. Pada akhir tahun 2009, pinjaman terkumpul PKS mencakupi 39.6% daripada jumlah pinjaman perniagaan sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan.

Pembiayaan kepada PKS ditingkatkan dengan dana khas yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dan Kerajaan. Pada tahun tersebut, terdapat tiga dana baharu ditubuhkan untuk memudahkan PKS mendapat akses kepada pembiayaan. Pertama, Skim Bantuan Jaminan PKS (SME Assistance Guarantee Scheme, SAGS) yang ditubuhkan pada bulan Februari 2009 dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion untuk menyediakan akses pembiayaan bagi PKS yang berdaya maju yang terjejas teruk oleh kelembapan ekonomi. Dana itu telah digunakan sepenuhnya dan permohonan ditutup pada bulan September 2009 selepas memanfaatkan lebih daripada 9,000 PKS dalam pelbagai sektor. Sementara itu, Skim Jaminan Modal Kerja (Working Capital Guarantee Scheme, WCGS) dan Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri (Industry Restructuring Loan Guarantee Scheme, IRLGS) kedua-duanya ditubuhkan pada bulan Mac 2009, dengan peruntukan masing-masing sebanyak RM5 bilion. Selepas itu, pada bulan September 2009, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2 bilion daripada IRLGS kepada WCGS disebabkan sambutan yang luar biasa daripada peminjam. WCGS, yang ditutup untuk permohonan baharu pada bulan Oktober 2009, telah memanfaatkan 5,329 syarikat. Sehingga 4 Mac 2010, sejumlah RM5.4 bilion pinjaman telah keluarkan kepada 4,339 syarikat di bawah skim ini. Sebaliknya IRLGS, akan terus dibuka sehingga akhir tahun 2010 atau sehingga keseluruhan dana telah digunakan, yang mana terdahulu. Sehingga 4 Mac 2010, sebanyak 190 syarikat telah menerima manfaat daripada skim ini dengan nilai pinjaman yang diluluskan sebanyak RM815 juta.

Jadual 2.2
Tabung-tabung Khas untuk PKS yang Dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia

	RM juta				%
	Peruntukan	Kelulusan	Pengeluaran	Pinjaman Terkumpul	Kadar Penggunaan[1]
	Pada akhir tahun 2009				
Tabung-tabung Khas					
Tabung Untuk Makanan[2]	1,300.0	1,727.9	1,707.1	175.7	75.4[3]
Tabung Usahawan Baru 2	2,850.0	3,741.6	3,507.4	2,181.8	89.6
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	6,750.0	12,813.8	12,017.4	4,823.8	91.9
Tabung Projek Usahawan Bumiputera[4]	300.0	946.7	903.4	54.6	82.4
Tabung Pembiayaan Mikro	200.0	79.6	71.2	66.9	38.9
Tabung Projek Usahawan Bumiputera - secara Islam	300.0	12.6	0.3	0.3	4.2
Jumlah	**11,700.0**	**19,322.2**	**18,206.8**	**7,303.1**	**87.6**
Bantuan Kewangan dan Skim Jaminan					
Kemudahan Bantuan dan Pemodenan PKS[5]	1,200.0	1,076.0	975.6	779.9	
Skim Jaminan Bantuan PKS[6]	2,000.0	1,889.0	1,218.7	1,093.6	
Skim Jaminan Modal Kerja[7, 8]	7,000.0	7,000.0	5,127.9	1,379.9	
Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri[7]	3,000.0	779.7	210.6	46.3	
Jumlah	**13,200.0**	**10,744.7**	**7,532.8**	**3,299.7**	
	Perubahan Pada Tahun				
Tabung-tabung Khas					
Tabung Untuk Makanan[2]	-	-2.5	0.1	-80.0	
Tabung Usahawan Baru 2	-	197.1	155.9	-80.1	
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	-	880.0	1,123.8	-148.4	
Tabung Projek Usahawan Bumiputera[4]	-	46.8	89.2	-24.9	
Tabung Pembiayaan Mikro	-	75.4	68.9	64.5	
Tabung Projek Usahawan Bumiputera - secara Islam	300.0	12.6	0.3	0.3	
Jumlah	**300.0**	**1,209.4**	**1,438.1**	**-268.6**	
Bantuan Kewangan dan Skim Jaminan					
Kemudahan Bantuan dan Pemodenan PKS[5]	-	-	734.6	564.1	
Skim Jaminan Bantuan PKS[6]	2,000.0	1,889.0	1,218.7	1,093.6	
Skim Jaminan Modal Kerja[7, 8]	7,000.0	7,000.0	5,127.9	1,379.9	
Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri[7]	3,000.0	779.7	210.6	46.3	
Jumlah	**12,000.0**	**9,668.7**	**7,291.8**	**3,083.9**	

[1] Nisbah kelulusan kepada peruntukan dan bayaran balik
[2] Tidak termasuk tabung yang diperuntukkan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9
[3] Tidak termasuk bayaran balik sebanyak RM541 juta yang telah ditukar kepada ekuiti Agrobank
[4] Tabung ini telah ditutup dan digantikan dengan Tabung Projek Usahawan Bumiputera - secara Islam pada bulan Julai 2009
[5] Skim ini ditubuhkan pada bulan Ogos 2008 dan telah ditutup pada bulan Februari 2009
[6] Skim ini ditubuhkan pada bulan Februari 2009 dan telah ditutup pada akhir bulan Disember 2009. Jumlah kelulusan adalah sebanyak RM2 bilion setelah mengambil kira permohonan yang diproses selepas tarikh tutup
[7] Skim ini dikendalikan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), sebuah syarikat tujuan khas yang diuruskan oleh Prokhas Sdn Bhd. SJPP dan Prokhas ialah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan
[8] Skim ditamatkan pada bulan bulan Oktober 2009 memandangkan had telah dicapai

Sumber: Bank Negara Malaysia